



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
**BINALAH KASIH SAYANG
DENGAN UKHUWAH**



ISLAMIC SALVAGEUR OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"BINALAH KASIH SAYANG DENGAN UKHUWAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَجَزَوْا سَيِّئَةَ سَيِّئَةٍ مِّثْلَهَا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ¹	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.	5
Khutbah hari ini bertajuk " BINALAH KASIH SAYANG DENGAN UKHUWAH. "	6

¹ Al-Syura : 40.



Pada masa kini umat Islam menghadapi pelbagai cabaran. Cabaran terbesar hari ini ialah isu perpecahan ummah. Ia merupakan cabaran seluruh dunia amnya, dan Malaysia khususnya. Cuba tuan-tuan fikirkan, mengapakah umat Islam masa kini amat sukar untuk bersatu? Apakah yang menjadi batu penghalang ke arah kesatuan Umat Islam? Sedangkan kita beriman dengan Allah yang satu dan berpegang kepada agama Islam yang satu.

7

Seruan penyatuan ummah ini Allah SWT nyatakan di dalam Surah Al-Mukminun ayat 52 :

وَإِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

8

"Sesungguhnya (agama tauhid) ini, adalah agama kamu semua, agama yang satu, dan Aku adalah Tuhanmu, maka bertakwalah kepada-Ku."

9

Ayat ini cukup jelas untuk umat Islam memahami betapa pentingnya berpegang teguh kepada dasar akidah Islam sebagai kunci penyatuan. Walaupun berbeza pandangan dalam pelbagai isu namun, selagi perbezaan itu tidak melanggar batas akidah dan syariat, seharusnya umat Islam kekal bersatu dan bersaudara.

10



Dalam peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat ke Yathrib (Madinah), antara perkara terawal yang baginda lakukan ialah mengikat umat Islam dengan ikatan kasih sayang dan persaudaraan antara kaum Ansar dan Muhajirin. Dalam peristiwa ini bagaimanakah baginda boleh menyatukan hati kedua-dua kaum ini? Apakah rahsia yang baginda lakukan sehingga kaum ansar dan muhajirin boleh bersatu walaupun mereka datang dari latar belakang kaum yang berbeza?

11

Antara nasihat Nabi SAW untuk membina ukhuwah dan melahirkan rasa kasih sesama Muslim ialah:

Pertama: Kita hendaklah bersikap ramah dengan memberi salam, sentiasa bertegur-sapa dan bertanya khabar sesama kita, agar ikatan ukhuwah sentiasa terjalin dan berterusan.

12

Ini dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى تُؤْمِنُوا، وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّى تَحَابُّوا، أَوْلَا أَدُلُّكُمْ
عَلَى شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمْوهُ تَحَابَبْتُمْ؟ أَفْسُوا السَّلَامَ بَيْنَكُمْ

13



"Kalian tidak akan masuk syurga hingga kalian beriman. Dan kalian tidak dikatakan beriman hingga kalian saling mencintai. Mahukah kalian aku beritahu dengan sesuatu yang apabila kalian lakukan kalian akan saling mencintai? (iaitu) sebarkanlah (ucapkanlah) salam di antara kalian."

14

(Riwayat Muslim).

Berdasarkan hadis ini, dapat disimpulkan bahawa salah satu amalan yang mendorong perasaan mencintai sesama Muslim ialah memberi ucapan salam kepada sesama muslim. Kalimah salam merupakan suatu ucapan doa kesejahteraan dan kerahmatan untuk saudara se-Islam yang akan menjadi magnet menarik keberkatan dari Allah. Institusi masjid dan surau boleh berperanan untuk menghidupkan budaya murni ini melalui kempen memberi salam, program ukhuwah, diskusi dan lain-lain.

15

Kedua: Pembinaan ukhuwah dan kasih sayang boleh dicapai apabila kita berlapang dada untuk sentiasa memaafkan saudara se-Islam kita yang lain. Kita memahami bahawa manusia tidak lari dari melakukan kesalahan, sikap memaafkan kesalahan orang lain amat digalakkan di dalam Islam.

16

Allah berfirman dalam Surah Al-Syura, ayat 40 yang dinyatakan pada awal khutbah ini bermaksud:

"Dan balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang setimpal, tetapi sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim."

17



Ketika peristiwa Pembebasan Kota Makkah (Fathul Makkah), tidak berlaku pertumpahan darah dalam kalangan orang Islam dan penduduk Makkah. Bahkan, Nabi dan para sahabat menunjukkan akhlak yang mulia terhadap kaum Musyrikin Makkah walaupun dahulu mereka pernah menyiksa dan menghina baginda dan para sahabat. Bahkan Wahsyi yang telah membunuh bapa saudara baginda iaitu Hamzah bin Abdul Mutalib dalam peperangan Uhud juga baginda Nabi SAW maafkan. Akhlak yang begitu indah ini menyebabkan mereka memeluk Islam secara beramai-ramai.

18

Ketiga: Bersegeralah memberi pertolongan dan bantuan kepada yang memerlukan pada bila-bila masa terutama orang yang mempunyai hubungan persaudaraan paling dekat dengan kita. Pertolongan yang kita berikan dengan penuh keikhlasan mampu menyatukan hati manusia. Bahkan, Nabi SAW amat menggalakkan kita untuk menolong meringankan beban saudara kita yang lain dalam pelbagai bentuk pertolongan sama ada menyumbang pakaian, makanan, minuman dan lain-lain lagi. Pertolongan kita ini akan merapatkan lagi ukhuwah sesama kita.

19

Hadis daripada Abu Said al-Khudri bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيُّمَا مُسْلِمٍ كَسَا مُسْلِمًا ثَوْبًا عَلَى عُرْيٍ، كَسَاهُ اللَّهُ مِنْ خُضْرِ الْجَنَّةِ،
وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ أَطْعَمَ مُسْلِمًا عَلَى جُوعٍ، أَطْعَمَهُ اللَّهُ مِنْ ثَمَارِ الْجَنَّةِ وَأَيُّمَا مُسْلِمٍ
سَقَى مُسْلِمًا عَلَى ظَمًا، سَقَاهُ اللَّهُ مِنَ الرَّحِيقِ الْمَخْتُومِ

20



"Mana-mana muslim yang mengenakan pakaian untuk muslim yang lain yang telanjang, Allah akan memakaikannya dari pakaian hijau syurga. Mana-mana muslim yang memberi makan seorang muslim yang sedang lapar, Allah akan memberinya makan dari buah syurga, dan mana-mana muslim yang memberi minuman kepada seorang muslim yang dahaga, Allah akan memberinya minuman dari Rahiqil Makhtum (minuman dari Syurga)."

(Riwayat Abu Daud).

21

Keempat: Peranan masjid sebagai nadi penyatuan ummah amat penting untuk melahirkan masyarakat yang bersatu-padu. Masjid seharusnya menjadi penggerak utama penyatuan ummah dengan mengajak pelbagai pihak seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), surau-surau, persatuan penduduk, NGO dan lain-lain untuk menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, majlis khatan beramai-ramai, pemeriksaan kesihatan percuma, derma darah dan lain-lain yang bertujuan untuk ahli masyarakat dan komuniti setempat bertemu dan beramah mesra hingga menjalinkan ukhuwah dan kemesraan sesama masyarakat.

22

Sudah tentu Allah SWT maintain hamba-hamba-Nya yang saling membantu dan berkasih sayang sepertimana firman-Nya dalam surah Al-Nisa, ayat 36 yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu menyekutukan-Nya dengan suatu apa jua; hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jauh, rakan sejawatan, musafir yang terlantar serta hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membanggakan diri."

23



Kelima: Perbanyakkanlah berdoa kepada Allah SWT kerana Dia lah yang berkuasa menyatukan hati-hati manusia. Sebagai seorang yang beriman, kebergantungan harap kepada Allah SWT wajib diberikan sebagai talian hayat terakhir menyatukan umat selepas segala usaha penyatuan telah dilaksanakan.

24

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Anfal ayat 63 :

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

25

"Dan (Dialah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

26



Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:

1. Umat Islam hendaklah bersikap ramah terhadap orang lain dengan membiasakan diri mengucap dan menjawab salam, sentiasa bertegur-sapa dan bertanya khabar sesama kita agar ikatan ukhawah sentiasa terjalin dan berterusan.
2. Umat Islam hendaklah berlapang dada untuk sentiasa memaafkan saudara se-Islam kita yang lain yang merupakan tuntutan dalam Islam. Sesungguhnya Allah SWT amat mencintai hamba-Nya yang suka memaafkan kesalahan orang lain.
3. Umat Islam hendaklah menjadikan masjid sebagai tempat penting untuk membina umat yang bersatu padu dan berkasih sayang sesama manusia.
4. Pemimpin umat Islam hendaklah sentiasa menyeru kepada perpaduan, bukannya kepada api permusuhan.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْدِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

28

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

29

(al-Hujurat : 10).



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan kita supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	4
<p>Untuk itu, para jemaah dinasihatkan supaya mengamalkan kawalan sendiri, menjaga kebersihan diri dan sekitar. Jagalah penjarakan dan memakai pelitup muka untuk mengelak penularan. Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang secara dekat terutama sekali jika mempunyai apa-apa gejala yang boleh dikaitkan dengan Covid-19.</p>	5
<p>Patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan bagi elakkan penularan wabak agar kita terus dapat beramal ibadah dan melaksanakan aktiviti pengimarahannya di masjid dan surau dan dapat bersama-sama beramal di bulan Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi seperti biasa.</p>	6



7	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
8	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
9	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
10	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
11	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
12	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
13	اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطِينِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،
14	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْطَظِّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



<p>اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.</p>	15
<p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kau binalah semula keamanan dan kesejahteraan di bumi Palestin agar rakyatnya hidup bahagia.</p>	16
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	17
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	18
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾</p>	19



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21